

Headline **Kadar bunga berganda**  
Date **01 Aug 2010**  
MediaTitle **Metro Ahad**  
Section **Supplement**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **314,321 / 1,964,000**

Language **Malay**  
Page No **D23**  
Article Size **442 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **4,352**  
PRValue **13,056**



# Kadar bunga berganda

**SAMBUNGAN MINGGU LALU**

**M**INGGU lalu diterangkan serba sedikit mengenai konsep kad kredit yang digunakan kebanyakan individu pada masa kini dengan alasan ia memberi kemudahan dalam menjalankan urusan jual-beli, sedangkan ia sebenarnya satu perangkat hutang kepada individu yang menggunakannya.

Mengimbas kembali apa yang pernah saya tulis, ulasan lebih terarah kepada konsep kad kredit itu sendiri yang sebenarnya 'kad nafsu' berikutan ciri di dalamnya langsung tidak menepati kehendak Islam, di mana ia menggalakkan orang ramai berbelanja lebih daripada kemampuan untuk membayar. Di segi amalannya, ia tidak mempunyai unsur positif kepada pengguna berikutan ia hanya bersifat pengganti dan seseorang itu tidak lagi perlu membawa duit tunai yang banyak.

Namun, ia sebenarnya memerangkap seseorang itu untuk berhutang dan langsung tiada ciri yang menawarkan seseorang itu untuk berbelanja secara berhemah.

Jadi kali ini saya ingin menjelaskan serba sedikit beberapa ciri kad kredit berdasarkan konsep pengiraan yang perlu dibayar seseorang, caj tersembunyi yang dikenakan selain sistem amalan riba yang dipraktikkan.

## **Pengiraan kad kredit**

Apabila seseorang itu menggunakan kad kredit, dia sebenarnya membayar secara purata 17.5 peratus setiap tahun atau 1.46 peratus setiap bulan, lebih daripada pembelian secara tunai.

Caj 1.46 peratus ini adalah kadar bunga atau faedah yang dikenakan apabila seseorang itu gagal membuat pembayaran penuh dalam tempoh ditetapkan iaitu 20

hari selepas dia menggunakan kad kredit dan ia akan dikira pada setiap bulan berikutnya selagi hutangnya tidak dijelaskan.

Sebagai contoh kiraan mudah faham, jika seseorang itu berbelanja menggunakan kad kredit RM10,000 (nilai pokok pinjaman) pada Januari, dia perlu membayar semula jumlah terbit ditambahkan 1.46 peratus setiap bulan iaitu RM146.

Secara dasarnya, ia memang kelihatan kecil, namun jika diteliti dan difahami, jumlah itu sebenarnya bersifat campuran dan akan dimasukkan ke dalam jumlah pokok.

Jika seseorang itu tidak membayar jumlah minimum wajib lima peratus setiap bulan itu, kesannya jumlah itu meningkat daripada RM10,000 kepada RM10,146.

Seterusnya, jika seseorang itu masih lagi gagal melunaskan hutang itu, pada bulan berikutnya caj sama iaitu sebanyak 1.46 peratus dikenakan lagi, namun bukan berdasarkan hutang awal sebanyak RM10,000, sebaliknya baki terkini iaitu RM10,146.

Jelas di sini, pada bulan ketiga hutang itu meningkat kepada RM10,294.13 dan ia akan sentiasa meningkat setiap bulan hinggalah semua tanggakan dijelaskan.

Berdasarkan pengiraan digunakan ini, kira-kira 30 peratus pemilik kad kredit jatuh muflis berikutan gagal melunaskan hutang kad kredit digunakan.

Statistik Bank Negara Malaysia (BNM) turut menunjukkan jumlah hutang menerusi kad kredit meningkat pada kadar 20 peratus setiap tahun.

Penggunaan kad kredit sememangnya memberi keuntungan kepada institusi perbankan di negara ini, di mana mereka memperoleh kadar faedah 1.5 peratus setiap

bulan dengan keuntungan berjumlah RM159 juta setiap tahun tetapi tidak kepada pengguna.

Jumlah ini tidak termasuk pelbagai caj perkhidmatan lain yang dikenakan, seperti caj tunai lima peratus dan penalti atau caj kepada pemilik kad yang lambat membayar hutang, RM5.

Di negara luar seperti Amerika Syarikat, kadar berkenaan boleh meningkat kepada 40 peratus tetapi di negara kita, kadar ini ditetapkan BNM sehingga 17.5 peratus sahaja.

Daripada aspek pengiraan ini, penggunaan kad kredit sebenarnya amat merugikan manakala daripada sudut Islam pula, sistem digunakan itu jelas menunjukkan amalan riba, yakni ia satu dosa.

Jika dilihat daripada sudut manfaatnya, ia langsung tiada kerana jika pemegang kad itu dapat membuat pembayaran penuh sekali pun dalam tempoh 20 hari, tiada apa-apa faedah diperoleh.

Malah, bagi yang gagal membuat pembayaran penuh sebelum tamat tempoh 20 hari itu, mereka tidak akan terselamat daripada caj berkenaan.

## **Caj tersembunyi**

Selain caj utama yang dinyatakan sebelum ini, sebenarnya wujud pelbagai lagi caj dikenakan oleh pengeluar kad kredit kepada pemegang kad terbit.

● Caj ini termasuk caj kelewatan pembayaran satu peratus atau berdasarkan kiraan RM10,000, menjadi RM100.

● Yuran tahunan juga dikenakan kepada pemilik kad, namun segelintir pengeluar kad menyerap kos itu bagi menjadikan kad dikeluarkan kelihatan lebih menarik untuk dimiliki.

● Caj terhadap urusan pembelian barangan di luar negara, sama ada pengguna menggunakan kad kredit ke-

tika membeli-belah di luar negara atau membeli barangan dari luar negara menggunakan Internet. Beberapa bank di negara ini mengenakan caj berkenaan 1.25 peratus daripada harga belian yang dibuat.

● Caj lima peratus apabila membuat belian lebih daripada had kredit dibenarkan (over limit fees).

● Caj pengeluaran tunai (cash advance fee). Segelintir bank mengenakan caj ini kepada pemegang kad mereka iaitu 18 peratus daripada jumlah wang tunai dikeluarkan.

Demikian sifat sekeping kad kredit yang sering menjadi kebanggaan pemilik untuk menunjukkan kemewahan diri tetapi hakikatnya, ia sebenarnya adalah kad hutang yang menunjukkan potensi diri pemiliknya untuk jatuh muflis.

Ia juga membuktikan pemiliknya tidak bijak berfikir dalam berbelanja kerana membayar lebih berbanding

belian secara tunai, suka berhutang dan berbelanja mengikut nafsu tanpa memikirkan jumlah kemampuan pendapatan mereka.

Kad kredit memberi kemudahan kerana mudah dibawa, namun kerana ingin kemudahan dan 'kesenangan' itu, pemiliknya terjebak dengan perangkat pengiraan hutangnya dan akhirnya membuatkan diri mereka pening kepala mengenai hutang yang ditanggung.

Justeru, sebaik-baiknya sebagai umat Islam, masyarakat perlu menghentikan amalan penggunaannya berikutan ia tidak mempunyai kebaikan dan jika benar-benar ingin menggunakan kad sebagai pengganti wang tunai, kad debit berlandaskan hukum Islam adalah sebaik-baiknya.

Hapuskan kad kredit anda, khususnya apabila ia sekeping kad kredit dari bank konvensional kerana ia ada-

Headline **Kadar bunga berganda**  
Date **01 Aug 2010**  
MediaTitle **Metro Ahad**  
Section **Supplement**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **314,321 / 1,964,000**

Language **Malay**  
Page No **D23**  
Article Size **442 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **4,352**  
PRValue **13,056**

lah riba, menurut fatwa Majlis Fiqh Antarabangsa.

Walaupun hutang diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh 20 hari yang diberi, riba tetap mengenai penggunaan. Ia kerana setiap penggunaan menyebabkan penia-

ga perlu membayar komisen satu hingga tiga peratus kepada pengeluar kad.

Penggunaannya sama seperti kita membantu dan menyokong secara langsung kepada industri kad kredit yang berteraskan riba dan hukum-

nya adalah sama.



**Zaharuddin Abd Rahman**

(Pensyarah Perbankan dan Kewangan Islam UIAM)  
zaharuddin@yahoo.com